

Metafora Leksikal dan Nilai Budaya dalam Novel Hamka *Di Bawah Lindungan Ka'bah*

Oktavianus Oktavianus^{1*}, Ferdinal Ferdinal¹ dan Indirawati Zahid²

¹*Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Andalas, 25121 Padang, Indonesia*

²*Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

ABSTRAK

Metafora dan nilai budaya ialah dua perkara yang saling berkaitan. Nilai budaya ialah bahagian daripada identiti manusia. Salah satu cara untuk menyatakannya ialah melalui metafora. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis metafora leksikal berhubung dengan nilai budaya dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* karya Hamka. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk mengetahui distribusi metafora leksikal manakala pendekatan kualitatif digunakan untuk meneliti sesuatu fenomena penggunaan metafora. Sejumlah 100 data metafora dikumpulkan daripada setiap muka surat dan dianalisis dengan mengaplikasikan teori metafora oleh Newmark dan Lakoff & Johnson. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 14% metafora leksikal ialah perbandingan *kata nama-kata nama*, 32% *kata nama-kata kerja*, 10% *kata nama-kata adjektif*, 31% *kata kerja-kata nama*, 6% *kata kerja-adverba* dan 7% perbandingan *kata nama-kata adjektif*. Metafora tersebut mengandungi makna personifikasi, hiperbola, dan eufemisme. Daripada 100 data metafora leksikal, terdapat 62% nilai budaya yang

mengandungi nilai-nilai mulia, manakala 38% metafora leksikal mewakili suasana dalaman dengan nilai-nilai buruk. Nilai budaya yang terkandung dalam pelbagai bentuk metafora leksikal adalah penting untuk mendidik dan memupuk legitimasi manusia khususnya dalam menghadapi era industri 4.0 dan 5.0, iaitu keperluan manusia menjunjung nilai kemanusiaan.

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 13 September 2023

Accepted: 18 December 2023

Published: 05 February 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.05>

E-mail addresses:

oktavianus@hum.unand.ac.id (Oktavianus Oktavianus)

ferdinal@hum.unand.ac.id (Ferdinal Ferdinal)

indirawati@um.edu.my (Indirawati Zahid)

* Corresponding author

Kata kunci: Bahasa, Hamka, metafora, metafora leksikal, nilai budaya

Lexical Metaphor and Cultural Value in Hamka's Novel Di Bawah Lindungan Ka'bah

ABSTRACT

Metaphors and cultural values are two related things. Cultural values are part of human identity, and one of the ways to express them is through metaphor. Accordingly, this paper aims to study lexical metaphors concerning cultural values in Hamka's novel Di Bawah Lindungan Ka'bah. This study uses a quantitative and qualitative approach. The researchers used a quantitative approach to determine the distribution of lexical metaphors and a qualitative approach to examine the phenomenon of lexical metaphors. A total of 100 lexical metaphors from every page were collected as data for this study and analysed using the theory proposed by Newmark and Lakoff, and Johnson. Findings show that 14% of lexical metaphors are noun-noun comparisons, 32% are noun-verbs, 10% are noun-adjectives, 31% are verb-nouns, 6% are verb-adverbs, and 7% are comparisons of noun-adjectives. The metaphors contain the meaning of personification, hyperbole, and euphemism. Of the 100 lexical metaphors, 62% of the cultural values represent good values, whereas 38% represent bad values. Cultural values in various lexical metaphors are essential to educating and nurturing human legitimacy, especially in the era of Industry 4.0 and 5.0, where people must uphold human values.

Keywords: *Language, Hamka, metaphor, lexical metaphor, cultural value*


PENGENALAN

Salah satu kelebihan manusia berbanding makhluk lain terletak pada kepelbagaian bahasanya. Kadangkala penutur sesuatu bahasa menyatakan apa yang terlintas di fikirannya secara langsung. Tidak kurang juga, mereka mengatakannya dengan membandingkan dua perkara. Di Minangkabau, sebagai contoh, jika seseorang merasa kecewa dengan sikap seseorang lainnya, ungkapan yang berikut akan dilafazkan.

- (1) *Adi tu baluik. Banyak akanyo. Susah dipacik*
'Adi itu belut. Banyak akal nya. Susah dipercay a'.

Ungkapan (1) terdiri dari tiga ayat, iaitu (a) *Adi tu baluik* 'Adi itu belut', (b) *Banyak akanyo* 'banyak akal nya' dan (c) *Susah dipacik* 'sulit dipercay a'. Ayat (a) menyatakan perbandingan iaitu *Adi* dengan *baluik* 'belut'. Ayat (b) dan (c) ialah penjelasan tambahan pada ayat (a). Deskripsi komponen semantik pada ayat (1) diperlihatkan dalam Rajah 1.

Adi dan *baluik* ialah dua makhluk yang berbeza. *Adi* ialah manusia yang ditandai oleh komponen semantik (+ *manusia*), (+ *dewasa*), (+ *berakal*), manakala *baluik* ialah sejenis ikan panjang yang ditandai oleh komponen semantik (- *manusia*), (- *berakal*) dan kulit luarnya (+ *berlendir*) dan (+ *licin*).



Rajah 1. Proses pembentukan metafora

Komponen semantik *baluik* diasosiasikan pada *Adi* yang banyak akalinya sehingga susah dipercaya bagaikan licinnya seekor *baluik*. Pada konteks tertentu, jika *Adi* dapat menyelesaikan perkara-perkara sulit dengan berbagai-bagai-bagai cara, kepintarannya itu dapat pula dimetaforakan ke *baluik*.

Metafora ialah cara berbahasa yang dimiliki oleh banyak suku bangsa di dunia. Sebagai contoh, masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat merupakan antara suku bangsa yang cenderung mengatakan sesuatu secara tidak langsung (Errington, 1984). Ungkapan *alam terkembang jadi guru* menjadikan bahasa Minangkabau kaya dengan metafora (Navis, 1984; Fanany & Rebecca, 2003; Oktavianus, 2022). Orang Minangkabau yang merupakan keturunan bangsa Melayu kaya dengan metafora (Hakimy, 1996; Indo, 1999). Demikian juga, bangsa Melayu di Malaysia memiliki banyak metafora (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009; Azma et al., 2011). Oleh itu, bahasa dan karya sastra kedua-dua bangsa serumpun ini diwarnai oleh penggunaan

metafora seperti yang juga dinyatakan oleh Rashid et al. (2012) bahawa bahasa dan sastra Melayu bercirikan metafora.

Metafora menjadikan karya sastra bernilai tinggi. Dua perkara yang menarik untuk dikaji ialah bentuk metafora dan nilai budaya. Dua perkara ini penting kerana bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi tetapi juga untuk menyebarkan nilai budaya yang diperlukan sebagai garis panduan berkelakuan setiap orang.

Kajian awal mendapati *Di Bawah Lindungan Ka'bah* memiliki banyak metafora. Bentuk metafora ini mengandungi nilai budaya. Kedua-dua perkara ini berkaitan dengan latar belakang Hamka sebagai seorang ulama, penulis dan pendidik. Latar belakang Hamka tentu sahaja mewarnai karya sastra yang beliau tulis. Oleh itu, penyelidikan ini perlu dijalankan untuk mengetahui keunikan penggunaan bahasa dalam menzahirkan nilai budaya kepada masyarakat. Selain itu, kajian ini juga merupakan satu usaha untuk memastikan kepada masyarakat bahawa bahasa bukan

sahaja sebagai alat komunikasi tetapi juga berperanan sebagai wadah untuk membangunkan sahsiah bangsa.

SOROTAN LITERATUR

Fokus kajian ini ialah metafora leksikal dan nilai budaya dalam karya sastera serta bagaimana nilai-nilai tersebut membangun cinta dan kasih sayang dalam kehidupan manusia. Oleh itu, sorotan literatur bertitik tolak daripada perkara tersebut. Metafora ialah cara bertutur dengan memperbandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain berdasarkan kesamaan komponen semantik dua hal yang diperbandingkan (Newmark, 1988; Lakoff & Johnson, 1994). Ayat-ayat berikut merupakan metafora yang digunakan untuk menyatakan kecantikan fizikal seseorang.

- (2) *Alis mata bagaikan semut beriring*
- (3) *Hidung bagaikan dasun tunggal*
- (4) *Rambut bagaikan mayang terurai*
- (5) *Pipi bagaikan pauh dilayang*
- (6) *Bibir bagaikan delima merekah*

Menurut Newmark (1988), metafora terbentuk daripada tiga komponen iaitu objek, imej dan makna. Objek ialah perkara yang dibincangkan. Imej ialah item yang digunakan sebagai metafora untuk objek. Makna ialah persamaan komponen semantik antara objek dan imej. Pada contoh 2–6, *alis mata*, *hidung*, *rambut*, *pipi* dan *bibir* ialah objek manakala *semut beriring*, *dasun tunggal*, *mayang terurai*, *pauh dilayang*, dan *delima merekah* ialah imej. Objek dan imej memiliki komponen semantik yang sama dan dirujuk sebagai kemiripan makna.

Pada 2–6, *serangga* dan *tumbuh-tumbuhan* dijadikan imej. Oleh itu, lingkungan fizik ialah tempat berkembangnya metafora (Fill & Muhhauser, 2001).

Secara morfologis, bahasa mempunyai kelas kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan adverba. Golongan kata ini merupakan salah satu komponen untuk menyusun struktur ayat sesuatu bahasa (Lyons, 1987; Kridalaksana, 1994; Whaley, 1997; Jufriзал, 2021). Metafora leksikal dibentuk dengan memperbandingkan makna antara golongan kata tersebut. Makna sesuatu kata dapat berhubungan dengan makna kata lainnya yang dirujuk sebagai metafora leksikal (Saragih, 2013).

Metafora mengandungi nilai budaya. Nilai budaya ialah konsepsi yang dianggap mulia dan berada dalam fikiran manusia (Koentjaraningrat, 1990). Nilai-nilai tersebut membawa kemaslahatan kepada setiap orang. Nilai-nilai itu menjadi pedoman hidup dan kebalikannya, iaitu nilai-nilai buruk yang seharusnya dihindari (Dajajasudarma, 1997). Nilai budaya yang dinyatakan melalui metafora berperan penting dalam membentuk karakter dan prinsip-prinsip hidup manusia dalam melakukan berbagai aktivitas (Oktavianus et al, 2022). Contoh 2–6 merupakan metafora leksikal. Nilai budayanya adalah berkaitan dengan keindahan dan kecantikan. Efek yang ditimbulkan adalah menyenangkan baik sama ada pada sudut pandang yang melihat mahupun pemilik deskripsi metafora tersebut.

Kajian terhadap karya sastera di pelbagai pelusuk dunia telah banyak

dilakukan. Kajian pada umumnya dikaitkan dengan tema cerita. Salah satu tema yang mendapat perhatian ialah isu identiti. Dalam kesusasteraan Amerika, penulis seperti O'Neill, Atwood, Momaday, dan Silko menggariskan kepentingan identiti Amerika (Hogan, 2021). Dalam kesusasteraan Inggeris, penulis menguraikan identiti British melalui tema seperti kanibalisme, perhambaan, seks, dan nasionalisme (Childs, 1999). Kesusasteraan Mesir menekankan kepentingan kehidupan agraria dalam memahami identiti bangsa mereka (Alami, 2021). Kesusasteraan di Asia juga menunjukkan kepentingan identiti. Littrup (1996) mencatatkan masalah ini dalam beberapa kesusasteraan di Asia, termasuk kesusasteraan Cina, Jepun, India dan juga Indonesia. Dalam konteks Melayu-Malaysia, representasi identiti digambarkan melalui beberapa *genre* seperti sastera kanak-kanak dengan penekanan kepada sejarah, pelbagai budaya dan imej identiti negara (Desai, 2006). Karya sastera juga digunakan sebagai media pengajaran bahasa untuk menunjukkan identiti Malaysia (Idrus, 2012). Tema yang dinyatakan pada asasnya berkaitan dengan nilai budaya tetapi tidak dihubungkan dengan metafora.

Di Indonesia, beberapa penyelidik telah menjalankan kajian tentang representasi cinta dan kasih sayang. Majoriti masyarakat Indonesia dianggap mempunyai identiti Islam kerana dekat dengan ajaran Islam. Sejumlah penulis telah mengangkat isu ini dalam karya-karya mereka. Hamka membincangkan isu identiti bangsa Melayu di Indonesia (Ramli et al., 2021).

Hamka menyatakan isu identiti ini dengan memadukan tema cinta dan kasih sayang pada konteks agama, bangsa dan tradisi. Zulhelmi (2017) berpendapat bahawa Hamka mempunyai cara khusus dalam mewujudkan kreativiti fiksionalnya, antaranya melalui penyebatian antara Islam, nasionalisme dan adat Minangkabau. Karya-karya Hamka menggabungkan unsur agama, adat dan cinta, sebagaimana halnya juga ditemukan dalam karya-karya penulis lainnya seperti Sutan Takdir Alisjahbana, Amir Hamzah dan Khairil Anwar (Rahmat, 2018). Hamka mengkritik adat yang menurut beliau kurang sesuai dengan ajaran Islam. Hal itu diperlihatkan pada novel *Merantau ke Deli* (Hamka, 2023) dan *Tenggelamnya Kapal van der Wijk* (Hamka, 1990). Dalam dua novel ini, Hamka mengangkat tema cinta dan identiti etnik. Hamka mengkritik sikap fanatik etnik yang keterlaluan kerana perkara ini boleh memberi kesan negatif kepada nilai kemanusiaan. Ini kerana cinta dan belas kasihan juga dapat mempersatukan etnik yang berbeza atas nama nasionalisme (Arbain, 2017) dan nasionalisme-religious (Burhanuddin, 2015), manakala cinta antara laki-laki dengan perempuan juga dapat lahir daripada rasa iba (Indriani, 2021).

Hamka mengajak pengikutnya mendekati Allah melalui berbagai cara seperti filsafat, tasawuf dan seni (Yusuf, 2014). Hamka menggunakan sastera sebagai alat menuju kepada Pencipta dengan mengajarkan cinta secara Islami kepada pembaca (Ibrahim, 2022). Membaca fiksi Hamka tidak hanya merupakan apresiasi terhadap karya sastera tapi juga dijadikan

pembelajaran (Octaviyanti, 2017; Majid, 2021). Selain melalui karya sastra, Hamka banyak membicarakan hal-hal yang terkait dengan nilai-nilai kehidupan dan kemanusiaan. Persoalan sosial budaya dan politik diuraikan dalam buku *Dari Hati ke Hati* (Hamka, 2002), *Pribadi Hebat* (Hamka, 2014), *Falsafah Hidup* (Hamka, 2015a), *Tasawuf Modern* (Hamka, 2015b), *Lembaga Hidup* (Hamka, 2015c), dan *1001 Soal Kehidupan* (Hamka, 2016).

Kajian terhadap novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* telah dilakukan oleh sejumlah penyelidik. Hamka mengungkap banyak perkara dalam karya tersebut, antaranya realiti keagamaan antara manusia dengan manusia lain berdasarkan hakikat kemanusiaan, kemerdekaan diri, dan hubungan antara manusia dengan Pencipta (Lestari, 2020). Kajian terhadap novel ini juga dilakukan oleh Nasrimi (2022). Penyelidik ini mendapati gaya bahasa yang dominan dalam novel tersebut iaitu personifikasi. Kajian Nasrimi agak dekat dengan kajian ini. Namun demikian, penyelidikan tentang bentuk metafora dan nilai budaya belum dilakukan secara kritis walaupun analisis statistik telah dijalankan. Konstruksi sintaksis mana yang berisi personifikasi belum dibincangkan. Penyelidikan yang dilakukan Nasrimi dapat menjadi titik tolak kepada kajian ini. Penggunaan metafora tidak hanya dapat ditemukan dalam karya-karya Hamka tapi juga dalam biografi beliau yang dituliskan dalam bentuk retorika (Tarmini et al., 2022). Oleh itu, *Di Bawah Lindungan Ka'bah* menjadi hipogram bagi karya-karya setelahnya, khususnya dalam penggunaan

tema, jalan cerita dan sudut pandang (Halwati et al., 2020).

Kajian terhadap novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* juga dilakukan dengan menggunakan pendekatan Tata Bahasa Fungsional dengan fokus kajian adalah surat Hamid kepada Zainab. Tata Bahasa Fungsional adalah sebuah pendekatan yang dapat digunakan untuk mengkaji makna dalam sebuah teks (Halliday, 2004). Supriyadi (2022) mendapati bahawa pada surat Hamid kepada Zainab terdapat proses mental, proses material, proses perilaku, dan proses relasional. Metafora gramatikal, metafora idiasional dan metafora interpersonal yang dikemukakan oleh Halliday (2004) belum dibincangkan.

Perbincangan tersebut memperlihatkan bahawa kajian-kajian lepas sebahagiannya berkaitan dengan kajian yang sedang berlangsung. Walau bagaimanapun kajian yang dilakukan tersebut tidak bersifat menyeluruh dan tidak berfokus pada metafora leksikal. Sorotan nilai buruk yang boleh membuat manusia menjadi baik belum pun dibincangkan secara kritis. Sehubungan itu, kajian ini akan dapat mengungkap kekuatan lain daripada karya-karya Hamka yang dilihat dari sudut pandang bahasa dan nilai budaya serta bagaimana nilai-nilai tersebut berintegrasi menjadi nilai yang berisi cinta dan kasih sayang,

PERNYATAAN MASALAH

Karya sastra seperti novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* dianggap bagaikan sebuah bangunan kehidupan yang mempunyai struktur dan nilai yang kompleks

sebagaimana didapati pada sorotan literatur di atas. Oleh itu, kajian ini membahas tiga persoalan seperti pada pernyataan masalah yang berikut.

- (a) Apakah bentuk metafora leksikal dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah*?
- (b) Apakah nilai budaya yang dinyatakan melalui metafora leksikal dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah*?
- (c) Bagaimanakah nilai-nilai budaya yang terkandung dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* membangun rasa cinta dan kasih sayang sebagai nilai utama?

OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini mempunyai tiga objektif:

- (1) mengkaji bentuk metafora leksikal,
- (2) mengenal pasti nilai budaya yang dinyatakan melalui metafora leksikal, dan
- (3) mengkaji keseluruhan korelasi nilai budaya dengan nilai cinta dan kasih sayang dalam erti kata yang luas.

Nilai bersifat tetap apabila tingkah laku cenderung berubah. Sehubungan itu, usaha memperkukuh nilai setiap insan perlu sentiasa dijalankan agar tingkah laku manusia sentiasa berpegang kepada nilai-nilai positif. Oleh itu, hasil kajian ini penting dalam menunjukkan nilai-nilai kemanusiaan. Kajian ini juga merupakan satu cara untuk menghidupkan semula nilai pendidikan dan memperkukuh sahsiah manusia di tengah-tengah era global dengan revolusi industri 4.0 dan 5.0 dengan segala kemudahan dan kerumitannya.

BAHAN KAJIAN DAN KAEDAH

Penyelidikan ini merupakan kajian perpustakaan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Objek kajian ialah novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (Hamka, 1938). Pendekatan kuantitatif digunakan untuk memperlihatkan kecenderungan distribusi metafora leksikal dan nilai budaya dalam novel tersebut. Pendekatan kualitatif digunakan untuk mengenal pasti suatu fenomena secara mendalam dengan mempertimbangkan berbagai-bagai aspek (Straus & Corbin, 1998).

Objek kajian tidak pernah wujud tanpa konteks (Mahsun, 2005). Oleh itu, objek kajian ini ialah metafora leksikal berserta konteks ayat yang terdapat dalam sumber data. Untuk kemudahan analisis data, sebahagian konteks ayat yang tidak berpengaruh terhadap makna sengaja dihilangkan dan diberi tanda [...]. Sebanyak 100 metafora leksikal telah dipilih sebagai sampel. Sampel diambil daripada setiap muka surat. Persampelan bagi setiap muka surat dilakukan supaya data yang dikumpul mewakili semua ayat dalam novel tersebut.

Terdapat dua tahap utama penyelidikan bahasa, iaitu penyediaan dan analisis data (Sudaryanto, 2018). Penyediaan data menggunakan kaedah semak dan introspeksi (Mahsun, 2005; Sudaryanto, 2018). Penggunaan kaedah simak adalah mengamati secara cermat metafora leksikal dalam karya sastera tersebut. Kaedah introspeksi melibatkan peranan pengkaji yang optimal sebagai penutur natif tanpa meniadakan peranannya sebagai penyelidik.

Novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* ditulis dalam bahasa Indonesia manakala penyelidik ialah penutur natif bahasa Indonesia dan Melayu. Kedua-dua bahasa ini berkaitan erat. Bahasa Indonesia diturunkan daripada bahasa Melayu (Kridalaksana, 2010; Malik, 2019; 1992). Oleh itu, intuisi kebahasaan yang dimiliki oleh peneliti dapat digunakan untuk menganalisis metafora leksikal.

Analisis data menggunakan kaedah padan intralingual dan ekstralingual. Kaedah padan intralingual ialah kaedah analisis data dengan menghubungkan dan membandingkan unsur-unsur linguistik dalam satu bahasa dan dalam bahasa yang berbeza, manakala kaedah padan ekstralingual ialah menganalisis data linguistik berhubung dengan unsur-unsur bukan linguistik (Mahsun, 2005). Berikut ialah contoh analisis data yang menggunakan kaedah padan intralingual dan ekstralingual:

- (7) *Tirulah ilmu padi*
- (8) *Padi semakin berisi semakin merunduk*
- (8a) *Padi di sawah semakin berisi semakin merunduk*

Ayat 7 ialah ayat imperatif yang mengandungi komponen makna metafora-personifikasi. Pada ayat tersebut, *padi* digambarkan sebagai manusia sehingga ada ungkapan *ilmu padi*. Kata *ilmu* seharusnya digandingkan dengan kata *manusia*. Ayat 8 menarik untuk dicermati. Dengan melakukan uji hubung-banding ekstralingual, *padi* pada ayat 8 tidak termasuk metafora jika yang diacu adalah *padi* di sawah. Sebaliknya, jika yang diacu ialah seseorang yang sedang dinasihati, ayat 8 termasuk kepada metafora.

Nilai budaya yang terkandung pada ayat 7 dan 8 ialah nasihat untuk kebaikan. Ayat 8a tidak lagi termasuk kepada metafora kerana kata *padi* diikuti oleh adverba *di sawah*. Nilai budaya pada ayat 7 dan 8 ialah nasihat untuk kebaikan.

Setiap kata mengandungi komponen semantik (Allan, 2014). Komponen semantik pada setiap kata menjadi sebahagian daripada nilai yang terkandung pada kata tersebut. Oleh itu, nilai budaya pada bentuk-bentuk bahasa ditentukan dengan mengidentifikasi komponen semantik yang terkandung pada kata tersebut. Selain merujuk kepada konsep dan teori nilai budaya, nilai budaya pada metafora leksikal dalam kajian ini dikenal pasti melalui temu bual dengan dua orang informan terpilih. Kriteria pemilihan informan ialah penutur natif bahasa Indonesia, memahami konsep nilai budaya dan mengetahui cara mengenal pasti nilai budaya daripada bentuk-bentuk bahasa dalam sesebuah karya sastera. Kriteria ini ditetapkan agar pengkajian terhadap nilai budaya yang terkandung dalam ayat-ayat yang dipilih sebagai data dapat dilakukan dengan sewajarnya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sebagai sebuah karya sastera, novel ini tentu saja kaya dengan aneka bentuk metafora. Kekuatan dan keindahan sebuah karya sastera tercermin daripada penggunaan metafora. Daripada hasil kajian yang dilakukan secara kuantitatif, taburan 100 metafora leksikal dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Taburan metafora leksikal

	Metafora Leksikal	Jumlah	Persentase (%)
Kata Nama	- Kata Nama	14	14
Kata Nama	- Kata Kerja	32	32
Kata Nama	- Kata Adjektif	10	10
Kata Kerja	- Kata Nama	31	31
Kata Kerja	- Adverba	6	6
Kata Adjektif	- Kata Nama	7	7
Jumlah		100	100

Berdasarkan Jadual 1, metafora leksikal yang dominan ialah *kata nama-kata kerja* dan *kata kerja-kata nama*. Pada struktur yang lebih lengkap, kedua-duanya dapat digabungkan menjadi *kata nama + kata kerja + kata nama*. Komponen semantik yang membentuk metafora didapati lebih dominan pada hubungan *kata nama+kata kerja+kata nama*. Personifikasi, hiperbola, dan eufemisme terbentuk daripada hubungan ketiga-tiga kata tersebut seperti pada contoh ayat berikut:

- (9) *Ombak memecah dan menderum* tiada berhenti *memukuli* tepi pasir itu
- (10) Di antara *gemuruh suara manusia* [...] di dalam Masjidil Haram itu
- (11) Budiman itu *menutup mata*.

Dapatan 63% untuk kata nama+kata kerja+kata nama dalam Jadual 1 mengikut pola seperti pada data 9–11. Ini merupakan perkara biasa kerana unsur asas yang membentuk ayat dalam bahasa manusia ialah *subjek, predikat* dan *objek* (Comrie, 1989). Setiap unsur ini diisi dengan kata nama, kata kerja dan kata nama. Pola susunan ketiga-tiga unsur dalam bahasa Melayu

dan Indonesia ini ialah *subjek, predikat* dan *objek*. Dari segi gaya bahasa, bahasa figuratif yang paling biasa ialah metafora-personifikasi dengan perbandingan kata nama-kata kerja. Metafora-personifikasi terdapat dalam semua perbandingan makna kata nama dengan kata kerja. Inilah salah satu ciri bahasa dalam karya sastera iaitu kaya dengan bahasa figuratif.

Metafora Leksikal: Kata Nama-Kata Nama

Metafora leksikal ialah gandingan komponen semantik yang sama pada dua leksikal berbeza. Apabila penggandingan berlaku antara kata nama dengan kata nama yang lain, metafora leksikal tersebut mewujudkan perbandingan pada kata nama, seperti pada data yang berikut:

- (12) Bintang-bintang memancarkan cahayanya yang indah di *halaman langit*.
- (13) Moga *air matanya* akan menjadi *hujan* yang dingin memberi rahmat.
- (14) Di dalam matanya ada terkandung suatu *lukisan hati* yang suci dan bersih.

- (15) Rumah itu seakan-akan *kehilangan semangat*.
- (16) Kita mesti mengukur *perjalanan alam* dengan ukuran yang luas.
- (17) Pada hal, *senyum* itu penuh dengan *kepahitan*.
- (18) *Buah tuturnya* tidak keluar dari lingkaran kesopanan.
- (19) Buah tuturnya tidak keluar dari *lingkar kesopanan*.
- (20) *Cinta* laksana *setetes embun* yang turun dari langit: bersih dan suci.
- (21) “Barangkali terganggu *perjalanan jiwamu* menuju bakti dan kesucian.
- (22) Saya hendak merasai *kelezatan cahaya matahari*.
- (23) *Pergantungan hidupku* telah ada.
- (24) Senantiasa Hamid menjadi *buah mulutnya* sampai saatnya yang penghabisan.
- (25) Kerap kali ia memperhatikan *pergulatan ombak dan gelombang*.

Pada data 12–25, komponen semantik metafora terdapat pada kata nama seperti *halaman, hujan, lukisan, kehilangan, perjalanan, kepahitan, buah, lingkaran, cinta, perjalanan, kelezatan, pergantungan, buah* dan *pergulatan*. Kata-kata nama ini memiliki makna metafora disebabkan pergandingan dengan kata nama lainnya seperti *langit, air mata, hati, semangat, alam, senyum, tutur, kesopanan, setetes embun, jiwa, cahaya matahari, hidup,*

mulut, ombak dan gelombang. Kata nama yang bergandingan dengan kata nama lainnya yang tidak bermakna denotatif akan membentuk metafora leksikal. Sebagai contoh, kata *halaman* yang bergandingan dengan kata *rumah* sehingga menjadi *halaman rumah* ialah bentuk non-metafora, manakala kata *rumah* yang bergandingan dengan kata *langit* menjadi *halaman langit* ialah metafora leksikal pergandingan kata nama dengan kata nama. Untuk mengenal pasti bahawa sebuah bentuk lingual ialah metafora leksikal, secara intralingual perbandingan bentuk metafora dengan non-metafora perlu dilakukan seperti pada Jadual 2 yang berikut.

Dalam Jadual 2, kolum tengah memperlihatkan kata nama bermakna metafora manakala kata nama pada kolum sebelah kiri ialah alat uji bahawa bentuk-bentuk lingual pada kolum tengah ialah metafora leksikal. Dua metafora dalam Jadual 2 dikategorikan sebagai metafora leksikal yang mengandungi unsur personifikasi iaitu *perjalanan alam* dan *perjalanan jiwa*. Personifikasi merujuk kepada sifat pengorangan pada benda yang tidak bernyawa (Keraf, 2004). Dalam konteks struktur, *perjalanan alam* dan *perjalanan jiwa* dapat diubah kepada struktur ayat mudah seperti ayat berikut:

(26) *Alam berjalan*

(27) *Jiwa berjalan*

(28) *Ibu berjalan*

(29) *Ayah berjalan*

Ayat 26 dan 27 ialah metafora-personifikasi kerana komponen semantik yang ada pada kata *alam* dan *jiwa*

Jadual 2

Metafora leksikal: Kata nama-kata nama

Non-Metafora	Metafora Leksikal	Nilai Budaya
Halaman rumah	<i>Halaman</i> langit	Keindahan
Air mata rahmat	Moga air mata menjadi <i>hujan</i>	Harapan
Lukisan pemandangan	<i>Lukisan</i> hati	Keindahan
Kehilangan uang	<i>Kehilangan</i> semangat	Kesuraman
Perjalanan ibu	<i>Perjalanan</i> alam	Keindahan
Buah itu pahit	Senyum penuh <i>kepahitan</i>	Penderitaan
Buah anggur	<i>Buah</i> tutur	Kesantunan
Lingkar pinggang	<i>Lingkar</i> kesopanan	Kesantunan
Embun di pagi hari sejuk.	Cinta laksana setetes <i>embun</i>	Kesucian
Perjalanan ayah	<i>Perjalanan</i> jiwa	Perjuangan
Kelezatan makanan	<i>Kelezatan</i> cahaya matahari	Keindahan
Pergantungan kain	<i>Pergantungan</i> hidup	Kebersamaan
Buah manga	<i>Buah</i> mulut	Kesopanan
Perkelahian Adi dan Ade	<i>Pergulatan</i> ombak dan gelombang	Kesulitan

digandingkan dengan kata *berjalan*. *Alam berjalan* dan *Jiwa berjalan* tentu sahaja tidak menggunakan *kaki* seperti halnya ayat 28 *Ibu berjalan* dan 29 *Ayah berjalan*.

Nilai budaya ialah konsep mulia yang tersimpan dalam fikiran manusia (Koentjaraningrat, 1990). Dengan melihat konteks ayat secara ekstralingual (Mahsun, 2005), *keindahan* dalam ayat 12 merupakan gambaran keindahan alam semula jadi. *Harapan* dalam ayat 13 merujuk kepada keinginan untuk menjadi lebih baik dan tenang dilambangkan dengan air hujan yang salah satu komponen semantikanya ialah menyejukkan suasana. *Keindahan* dalam ayat 14 menunjukkan ketenangan jiwa. *Kesuraman* dalam ayat 15 ialah hilangnya cahaya. Keindahan dalam ayat 16 merujuk kepada kecantikan semula jadi. *Penderitaan* dalam ayat 17 ialah kepayahan hidup. *Kesantunan* dalam ayat 18 dan 19 menggambarkan kehalusan bahasa.

Kesucian dalam ayat 20 merujuk kepada keikhlasan cinta. *Perjuangan* dalam ayat 21 merujuk kepada suka dan duka hidup. *Keindahan* dalam ayat 22 ialah gambaran keindahan alam. *Kebersamaan* dalam ayat 23 ialah nilai-nilai yang baik sebagai perekat hubungan sesama manusia. *Kesantunan* dalam ayat 24 merujuk kepada kehalusan bahasa dalam pertuturan. *Kesulitan* dalam ayat 25 ialah gambaran perjuangan semula jadi yang boleh menjadi perumpamaan kesukaran dalam diri manusia. Nilai-nilai dalam ayat 12–15 merupakan nilai-nilai yang berlaku dalam DBLK sebagai cerminan sikap, tingkah laku, peristiwa dan uraian latar cerita yang pada dasarnya juga dapat ditemui dalam kehidupan sehari-hari.

Metafora Leksikal: Kata Nama-Kata Kerja

Metafora leksikal dalam bentuk perbandingan kata nama dan kata kerja

dalam *Di Bawah Lidungan Ka'bah* beragam jenisnya. Bentuk metafora leksikal dengan pola kata nama dan kata kerja dapat dilihat pada data berikut:

- (30) *Harga getah* di Jambi dan di seluruh tanah air sedang *naik*.
- (31) *Pembicaraan* itu *dibelokkannya* kepada kehalusan budi pekerti.
- (32) *Kesedihannya* itu telah *pindah* ke dada saya.
- (33) *Dunia* yang manakah yang telah *memutuskan* harapannya.
- (34) *Tipu daya* siapakah yang telah *melukai* hatinya.
- (35) *Bintang-bintang* *memancarkan* cahayanya yang indah di halaman langit.
- (36) *Doa* saya telah *membubung* ke dalam alam gaib.
- (37) Di antara *doa* beribu-ribu makhluk yang sedang *berangkat* ke langit.
- (38) *Awan gelap* yang *menutup* keningnya hilanglah sedikit demi sedikit.
- (39) *Semangatnya* boleh dikatakan telah *mengikuti* ke pekuburan.
- (40) Setelah *perniagaan ayah jatuh* [...] tersisihlah kedua laki isteri itu dari pergaulan.
- (41) *Ombak memecah* tiada henti memukuli tepi pasir itu.
- (42) *Ombak menderum* tiada henti memukuli tepi pasir itu.
- (43) *Ombak* tiada henti *memukuli* tepi pasir itu.
- (44) *Pakansi* itu pun *datanglah*.
- (45) Ketika berhadapan dengan Zainab dalam rumahnya, *mulut saya tertutup*.
- (46) *Segala rancangan saya* terhadap dirinya [...], semuanya *hilang*.
- (47) Satu *musibah besar* telah *menimpa* kami berturut-turut.
- (48) *Datang* pula *musibah* baru kepada saya.
- (49) *Pikiran saya menjalar* ke mana-mana.
- (50) *Cinta mempunyai* suatu lapangan yang lebih luas daripada ukuran pikiran itu.
- (51) *Doa* saya telah *berangkat* ke langit hijau membubung ke dalam alam gaib.
- (52) *Air mata tidak memilih* tempat untuk jatuh.
- (53) *Air mata tidak memilih* tempat turun.
- (54) *Kedukaan tumbuh* di antara dua rumpun kedukaan pula.
- (55) Inilah surat itu, Rosna. Inilah dia. Bacalah *isinya* sangat *menusuk hati*.
- (56) Cuma *tanahnya* yang berlain-lain *menerimanya*.
- (57) Jika *ia jatuh* ke tanah yang tandus, tumbuhlah [...] embun itu *kedurjanaan*.
- (58) Jika *ia jatuh* kepada tanah subur, di sana akan tumbuh *kesucian hati*.
- (59) Tetapi *bulan* itu *tak tetap datang* pada malam yang berikutnya.

(60) *Pendengaran* itu [...] *mengobarkan* kembali apa yang telah hampir padam.

(61) *Bukit-bukit* yang gundul itu *tegak* dengan teguhnya.

Data 30–61 ialah ayat-ayat yang memiliki kata kerja seperti *naik*, (*membelokkan*) *dibelokkan*, *pindah*, *memutuskan*, *melukai*, *memancarkan*, *terpercik*, *berangkat*, *menutupi*, *mengikuti*, *jatuh*, *memecah*, *menderum*, *memukul*, *datang*, *tertutup*, *hilang*, *menimpa*, *datang*, *menjalar*, *mempunyai*, *berangkat*, *memilih*, *tumbuh*, *menusuk*, *menerima*, *jatuh*, *menyusun*, *datang*, *mengobarkan*, dan *tegak*. Kata kerja pada 30–61 menghendaki subjek bernyawa tetapi ayat-ayat pada data tersebut tampaknya memiliki subjek tidak bernyawa sehingga ayat-ayat tersebut membentuk metafora personifikasi. Hal itu dapat dilihat pada Jadual 3.

Hamka menggunakan metafora-personifikasi pada semua data 30–61. Secara sintaksis, ini dapat dilihat daripada jenis kata nama yang menjadi subjek bagi kata kerja. Oleh yang demikian, kata seperti *harga*, *pembicaraan*, *kesedihan*, *dunia*, *tipu daya*, *bintang*, *doa*, *awan*, *semangat*, *perniagaan*, *pintu*, *ombak*, *pakansi*, *mulut*, *rancangan*, *musibah*, *pikiran*, *cinta*, *doa*, *kedukaan*, *surat*, *tanah*, *bulan*, *pendengaran*, dan *bukit* pada kolum tengah diperlihatkan seakan-akan dapat berperakuan seperti manusia. Kata-kata tersebut secara sintaksis menjadi subjek untuk kata kerja *naik*, *dibelokkan*, *pindah*, *memutuskan*, *melukai*, *memancarkan*, *membubung*, *berangkat*, *mengikuti*, *jatuh*,

memecah, *menderum*, *memukuli*, *datang*, *tertutup*, *hilang*, *menimpa*, *menjalar*, *mempunyai*, *berangkat*, *tumbuh*, *menusuk*, *menerima*, *menyusun*, *mengobarkan*, dan *tegak*. Berikut ialah contoh metafora-personifikasi dalam bentuk ayat lengkap:

(62) *Harga getah* di Jambi dan di seluruh tanah air sedang *naik*.

Pada ayat 62, *harga getah naik* ialah metafora untuk *harga getah mahal*. Dengan merujuk kepada teori metafora yang dikemukakan oleh Newmark (1988), *harga getah mahal* ialah objek, sedangkan bentuk lingual *harga getah) naik* ialah imej. Oleh itu, *harga getah mahal* sebagai objek dengan *harga getah naik* sebagai imej memiliki titik kesamaan makna iaitu sesuatu yang *tinggi*. Bentuk metafora pada contoh ini bergerak daripada sesuatu yang abstrak ke sesuatu yang abstrak juga. Dalam konteks ini, komponen makna yang bersifat personifikasi terletak pada penempatan komponen semantik yang seharusnya digandingkan dengan manusia seperti dalam ayat berikut:

(63) Ibu *naik* ke atas rumah

(64) Ayah *naik* ke atas atap

(65) Saya *naik* ke atas mobil

Jika dibandingkan ayat 62 dengan ayat 63, 64 dan 65, aktiviti *naik* pada 62 tidak menggunakan *kaki*, sebaliknya kata *naik* pada 63, 64 dan 65 menggunakan kaki.

Nilai budaya dalam Jadual 3 kolum sebelah kanan diperoleh daripada gabungan komponen semantik yang terdapat pada kata kerja dan kata nama. Dengan merujuk kepada konsep nilai sebagai konsep mulia yang tersimpan dalam minda manusia,

Jadual 3

Metafora leksikal: Kata nama-kata kerja

Non-Metafora	Metafora Leksikal	Nilai Budaya
Ibu naik ke rumah	Harga getah <i>naik</i>	Kegembiraan
Air dibelokkan	Pembicaraan <i>dibelokkan</i>	Kearifan
Ia pindah ke rumah baru	Kesedihannya <i>pindah</i> ke dada saya	Solidariti
Ia memutuskan tali itu	Dunia <i>memutuskan</i> harapannya	Kekecewaan
Pisau itu melukai saya	Tipu daya <i>melukai</i> hatinya	Kesedihan
Lampu memancarkan cahaya	Bintang <i>memancarkan</i> cahayanya	Keindahan
Kertas membubung ke langit	Doa <i>membubung</i> ke alam gaib	Harapan
Saya berangkat ke kantor	Doa <i>berangkat</i> ke langit	Harapan
Awan menutupi langit	Awan gelap <i>menutupi</i> keningnya	Kedukaan
Saya mengikuti ke pekuburan	Semangatnya <i>mengikuti</i> ke pekuburan	Kepasrahan
Ayah jatuh	Perniagaan ayah <i>jatuh</i>	Pailit
Saya memecah kaca	Ombak <i>memecah</i>	Kegalauan
Mobil menderum	Ombak <i>menderum</i>	Kewaspadaan
Saya memukuli dinding	Ombak <i>memukuli</i> pantai	Kewaspadaan
Ibu datang	Pakansi <i>datang</i>	Kesenangan
Pintu tertutup	Mulut <i>tertutup</i>	Kesulitan
Uang hilang	Rancangan <i>hilang</i>	Kesulitan
Pohon menimpa	Musibah <i>menimpa</i>	Kesulitan
Datang ibu ke sini	<i>Datang</i> musibah baru	Kesulitan
Ular menjalar.	Pikiran saya <i>menjalar</i>	Kedinamisan
Saya mempunyai lapangan	Cinta <i>mempunyai</i> lapangan	Keindahan
Ibu berangkat ke pasar	Doa <i>berangkat</i> ke langit	Harapan
Dia jatuh di tebing	Air mata tidak <i>memilih</i> tempat jatuh	Kesedihan
Dia jatuh di halaman	Air mata tidak <i>memilih</i> tempat turun	Kesedihan
Pohon tumbuh	Kedukaan <i>tumbuh</i>	Kesedihan
Pisau menusuk hati	Isi suratnya <i>menusuk</i> hati	Kesedihan
Ibu menerimanya	Tanah <i>menerimanya</i>	Keindahan
Saya jatuh ke jurang	Cinta <i>jatuh</i> ke tanah yang tandus	Kegersangan
Saya jatuh ke tempat yang baik	Cinta <i>jatuh</i> ke tanah yang subur	Keindahan
Ibu tak tetap datang	Bulan <i>tak tetap datang</i>	Harapan
Ayah mengobarkan api	Pedengaran <i>mengobarkan</i>	Semangat
Ibu-ibu tegak di pinggir jalan	Bukit-bukit itu <i>tegak</i> dengan kokoh	Ketangguhan

nilai yang mewakili keadaan baik ialah *kegembiraan* dalam ayat 30 kerana ekonomi semakin bertambah baik (Jadual 3). *Kearifan* dalam ayat 31 ialah mengelak daripada menyinggung perasaan pihak lain. *Solidariti* dalam ayat 32 menunjukkan

rasa berkongsi nasib. *Kekecewaan* dalam ayat 33 ialah gambaran penderitaan batin. *Kesedihan* dalam ayat 34 menunjukkan penderitaan batin. *Keindahan* dalam ayat 35 menunjukkan gambaran keindahan alam semula jadi. *Harapan* dalam ayat 36 dan

37 ialah keinginan untuk sentiasa hidup dalam lindungan Allah. *Kesedihan* dalam ayat 38 menggambarkan kepayahan hidup. *Kepasrahan* dalam ayat 39 ialah kerelaan menerima ketentuan Allah apabila ajal tiba. *Kebangkrutan* dalam ayat 40 bermaksud kesukaran dalam perniagaan. *Kegalauan* dalam ayat 41, kewaspadaan dalam ayat 42 dan 43 merupakan cerminan tanda-tanda alam yang boleh memberi pengajaran kepada manusia.

Nilai-nilai lain termasuk *kesenangan* dalam ayat 44 setelah bebas daripada rutin belajar. *Kesulitan* dalam ayat 45 adalah kerana dia tidak dapat meneruskan kata-katanya lagi. *Kesulitan* dalam ayat 46 adalah kerana apa yang dirancang tidak berjalan lancar. *Kesulitan* dalam ayat 47 dan 48 disebabkan oleh bencana kematian. *Kesulitan* dalam konteks ini ialah perasaan pilu dan sedih yang dialami. *Kedinamisan* dalam ayat 49 ialah nilai yang mencerminkan fleksibiliti pemikiran. *Keindahan* dalam ayat 50 mencerminkan rasa senang dan kagum seseorang. *Harapan* dalam ayat 51 ialah hajat yang diminta kepada Allah agar sesuatu yang baik diperoleh. *Kesedihan* dalam ayat 52, 53, 54, dan 55 merujuk kepada penderitaan batin yang dialami oleh watak dalam novel tersebut. *Keindahan* dalam ayat 56 ialah cerminan cinta yang disedari. *Kegersangan* dalam ayat 57 ialah gambaran perasaan cinta dan sayang yang tidak dijaga dengan baik. *Keindahan* dalam ayat 58 ialah gambaran rasa cinta dan sayang yang terpelihara dengan baik. *Harapan* dalam ayat 59 dan *semangat* dalam ayat

60 ialah cerminan sikap positif dalam membina kehidupan. *Ketangguhan* dalam ayat 61 merupakan gambaran kekuatan alam sebagai perumpamaan dalam kehidupan manusia. Nilai baik dan nilai buruk berperanan dalam membina sahsiah manusia. Nilai baik ialah nilai yang dipandu manakala nilai buruk ialah nilai yang tidak dipandu olehnya (Djajasudarma, 1997). Temu bual dengan informan menunjukkan bahawa kedua-dua kategori nilai ini pada dasarnya boleh wujud dalam diri manusia. Nilai yang baik ialah sebahagian daripada membangunkan identiti diri.

Metafora Leksikal: Kata Nama-Kata Adjektif

Metafora leksikal membandingkan kata nama dengan kata adjektif terdapat dalam 10 ayat. Perkembangan dinamik yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Indonesia dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* telah membawa kepada percambahan metafora leksikal seperti pada contoh berikut:

- (66) Pak Paiman belum pernah dapat *suara keras* darinya.
- (67) Dua *perkataan yang manis*,
- (68) Perkataan yang timbul dari *hati yang suci* telah merapatkan kami
- (69) Akan saya nyatakan di hadapannya dengan gembira, dengan *hati besar*
- (70) Matakuku telah kabur tetapi *hatiku* masih *terang benderang*
- (71) Saya telah menolongnya, membujuk *hati* anaknya yang *keras*

(72) Maka, pada dirinya saya dapati beberapa *sifat* yang *tinggi* dan terpuji

(73) *Hati* saya bertambah *duka*.

(74) Tetapi *surat* itu *bisu*

(75) Biarlah *air* mataku *kering*.

Data 66–75 ialah ayat-ayat yang memiliki kata adjektif seperti *keras*, *manis*, *suci*, *besar*, *terang*, *tinggi*, *duka*, *bisu* dan *kering*. Kata adjektif ini bergandengan dengan kata nama seperti Jadual 4.

Pada kolom tengah Jadual 4, kata nama wujud bersama kata adjektif dan membentuk metafora leksikal. Kata adjektif yang sama yang bergandengan dengan kata nama di kolom kiri tidak termasuk kepada metafora.

Nilai budaya pada kolom ketiga diperoleh daripada salah satu komponen semantik yang terkandung pada metafora di kolom kedua. Nilai budaya tersebut ialah *kemarahan* pada ayat 66 sebagai cerminan perasaan emosi buruk. Ayat 66, *Pak Paiman belum pernah dapat suara keras darinya*, mengandungi nilai *kesantunan*. *Kesantunan* pada ayat 67 mengacu kepada kesantunan

bertutur kata. *Kesantunan* pada ayat 68, *kegembiraan* pada ayat 69, *kepintaran* pada ayat 70, *semangat* pada ayat 71 dan *baik hati* pada ayat 72 ialah gambaran suasana jiwa yang baik dan ketajaman berfikir dalam menghadapi kehidupan. *Kesedihan* pada ayat 73, *kesulitan* pada ayat 74 dan *kesedihan* pada ayat 75 ialah cerminan perasaan dalaman yang tidak baik.

Metafora Leksikal: Kata Kerja-Kata Nama

Metafora leksikal juga terbentuk dengan membandingkan makna kata kerja dan kata nama. Data berikut merupakan metafora leksikal dengan membandingkan makna yang terkandung dalam kata kerja dan kata nama.

(76) Ia tiada suka *membuang-buang waktu* kepada yang tiada berfaedah

(77) Dia akan meneruskan perjalanannya ke Mesir, *menyambung pelajarannya*.

Jadual 4

Metafora leksikal: Kata nama-kata adjektif

Non-Metafora	Metafora Leksikal	Nilai Budaya
Batu keras	Suara <i>keras</i>	Kemarahan
Gula manis	Perkataan [yang] <i>manis</i>	Kesantunan
Pakaian suci	Hati <i>suci</i>	Ketulusan
Batu besar	Hati <i>besar</i>	Kegembiraan
Cahaya terang	Hati [masih] <i>terang</i> benderang	Kepintaran
Batu keras	Hati [anak yang] <i>keras</i>	Semangat
Pohon yang tinggi	Sifat [yang] <i>tinggi</i>	Baik hati
Ia berduka	Hati [saya] [bertambah] <i>duka</i>	Kesedihan
Adik bisu	Surat [itu] <i>bisu</i>	Kesulitan
Air sumur kering	Air mata <i>kering</i>	Kesedihan

- (78) Ya Allah *kuatkanlah hati hamba-Mu ini*
- (79) Akan saya *pikul rahasia* itu jika engkau percaya kepadaku.
- (80) Sahabatku itu *mengumpulkan ingatannya*
- (81) Ia *menarik napas panjang* seakan *mengumpulkan ingatan yang bercerai berai*.
- (82) “Kasihannya...” katanya sambil *menarik napasnya*
- (83) Kalau-kalau saya telah *bercepat mulut* menerangkan untung perasaan kami....
- (84) Mak Asiah, [...] sekali-kali tiada *meninggikan diri*....
- (85) Mendengar perkataan itu, *terlompatlah air mata* ibuku karena suka cita.
- (86) Datang ombak yang agak besar. *Dihapuskannya unggunan* yang kami dirikan.
- (87) Bila mana lalu di hadapan rumahnya seorang buta, *diirit air matanya*.
- (88) Rindu kepadanya *membukakan pintu angan-angan saya*.
- (89) Belum berapa lama setelah Budiman itu *menutup mata*.
- (90) *Datang pula musibah* baru kepada saya.
- (91) Ibu saya yang telah membawa saya *menyeberangi hidup* bertahun-tahun.
- (92) Setelah beberapa saat kemudian, ibuku *mengembangkan matanya*.
- (93) Ibu tak dapat *menyambung perkataan* lagi.
- (94) Dapatkah engkau menolong mamak, *melunakkan hatinya*.
- (95) *Mempergunakan diri* baik murah atau mahal
- (96) Saya *patahkan hati* anaknya.
- (97) Adinda *tumpahkan air mata*.
- (98) Maksud saya kalau dapat hendak *membagi kedukaan* hatinya
- (99) Dia kerap kali *menyembunyikan air matanya* di dekat saya.
- (100) Berkat yakinnnya, *terbukalah baginya pintu pencaharian*.
- (101) Kaum kerabat bermufakat *mempertalikan Zainab* dengan kemenakan bapakmu.
- (102) Ibuku senantiasa *merendahkan diri*.
- (103) Budiman itu *menutup mata*.
- (104) Awan gelap yang *menutupi keningnya* hilanglah sedikit demi sedikit.
- (105) Jika cinta jatuh ke tanah yang tandus, *tumbuhlah [...] embun kedurjanaannya*.
- (106) Jika *cinta jatuh* kepada tanah subur, di sana akan *tumbuh kesucian hati*.
- (107) *Karam* rasanya *bumi ini* saya pijakkan.

Data 76–107 ialah ayat yang memiliki kata kerja seperti *membuang, menyambung, kuatkan, memikul, mengumpulkan, menarik, bercepat, meninggikan, terlompat, dihapuskan, diirit, membuka, menutup, menyeberangi, mengembangkan, menyambung, melunakkan, mempergunakan, patahkan, tumpahkan, membagikan, menyembunyikan, terbuka, mempertalikan,*

merendahkan, menutup, menutupi, tumbuh dan karam. Kata kerja pada ayat 76–107 bergandengan dengan kata nama seperti *waktu, pelajaran, hati, rahasia, ingatan, nafas, mulut, diri, air mata, unggunan, musibah, hidup, mata, perkataan, hati, diri, kedukaan, pintu pencaharian, Zainab, kening, embun kedurjanaan, kesucian dan bumi.* Pergandengan itu membentuk metafora leksikal. Metafora leksikal dapat dilihat pada Jadual 5 kolom tengah, manakala bentuk lingual pada kolom sebelah kiri ialah

Jadual 5

Metafora leksikal: Kata kerja-kata nama

Non-metafora	Metafora Leksikal	Nilai Budaya
Membuang sampah	Tidak <i>membuang</i> waktu	Disiplin
Menyambung tali	<i>Menyambung</i> pelajaran	Kebaikan
Kuatkan ikatan	<i>Kuatkan</i> hati	Keteguhan
Pikul beban	<i>Pikul</i> rahasia	Komitmen
Mengumpulkan barang	<i>Mengumpulkan</i> ingatan	Konsentrasi
Menarik benda yang berat	<i>Menarik napas panjang</i>	Kesusahan
Menarik suatu benda	<i>Menarik</i> napas	Kesusahan
Bercepat lari	<i>Bercepat</i> mulut	Ceroboh
Tidak meninggikan pagar	Tidak <i>meninggikan</i> diri	Kesantunan
Terlompat sapi	<i>Terlompat</i> air mata	Kesedihan
Dihapuskan tulisan	<i>Dihapuskan</i> unggunan	Kerusakan
Diirit ibu	<i>Diirit</i> air mata	Kesedihan
Membuka pintu rumah	<i>Membuka</i> pintu angan-angan	Harapan
Menutup jendela	<i>Menutup</i> mata	Kepasrahan
Datang ibu	<i>Datang</i> musibah	Kesulitan
Menyeberangi lautan	<i>Menyeberangi</i> hidup	Perjuangan
Mengembangkan tikar	<i>Mengembangkan</i> mata	Semangat
Tak dapat menyambung tali	<i>Tak dapat menyambung</i> perkataan	Kesulitan
Melunakkan makanan	<i>Melunakkan</i> hati	Kebaikan
Menggunakan pisau	<i>Menggunakan</i> diri	Kebaikan
Patahkan ranting	<i>Patahkan</i> hati	Kesulitan
Tumpah air	<i>Tumpah</i> air mata	Kesedihan
Membagikan beras	<i>Membagikan</i> kedukaan	Solidariti
Menyembunyikan uang	<i>Menyembunyikan</i> air mata	Kesedihan
Terbuka pintu rumah	<i>Terbuka</i> pintu pencaharian	Kesenangan
Mempertalikan suatu benda	<i>Mempertalikan</i> Zainab	Takruf
Merendahkan pagar	<i>Merendahkan</i> diri	Kesopanan
Menutup pintu	<i>Menutup</i> mata	Kepasrahan
Menutupi pintu	<i>Menutupi</i> kening	Kesusahan
Tumbuh pohon berduri	<i>Tumbuh</i> embun kedurjanaan	Kejahatan
Tumbuh pisang	<i>Tumbuh</i> kesucian	Ketulusan
Karam di laut	<i>Karam</i> bumi	Kesulitan

alat uji secara intralingual (Mahsun, 2005) untuk menentukan status bentuk lingual sebagai metafora.

Data 76–107 memperlihatkan bahwa kata kerja dengan bentuk yang sama memiliki makna yang mirip. Oleh itu, metafora leksikal kata kerja-kata nama mengandung komponen makna yang berpolisemi, iaitu bentuk-bentuk yang sama yang memiliki makna berhubungan (Enfield, 2015).

Kata dalam suatu bahasa memiliki makna yang saling berkait manakala sebahagian komponen makna tetap berperanan sebagai pembeza. Sebagai contoh, *membuang waktu* dan *membuang sampah* memiliki kemiripan makna pada kata kerja *membuang*, iaitu *lepaskan* atau *keluarkan* (<https://kbbi.kemdikbud.go.id>). Penempatan kata nama *waktu* dan *sampah* pada kata kerja *membuang* membuat makna kata kerja *membuang* menjadi berbeza. Oleh itu, konteks linguistik berperanan dalam menentukan status makna sebuah rangkaian bentuk bahasa. Ini diperkukuh dengan sifat sebuah leksikon yang tidak hanya memiliki makna pusat, iaitu denotatif tetapi juga dapat meluas ke komponen makna lainnya (Talmy, 2019).

Merujuk kepada pemahaman nilai sebagai konsep mulia yang tersimpan dalam fikiran manusia (Koentjaraningrat, 1990), ayat 76–107 mengandungi dua kategori nilai, iaitu nilai baik dan nilai buruk. *Disiplin* dalam ayat 76 ialah cerminan kepada etika kerja yang baik. *Kebaikan* dalam ayat 77 ialah semangat menuntut ilmu. *Keteguhan* dalam ayat 78 ialah cerminan pendirian.

Komitmen ayat 79 merujuk kepada sikap menyimpan rahsia. *Konsentrasi* dalam ayat 80 bermaksud menumpukan fikiran kepada masalah kehidupan. *Kesusahan* dalam ayat 81 dan 82 ialah gambaran kegelisahan mental. Perbezaan antara kedua-duanya terletak pada tahap kesusahan yang dialami. *Ceroboh* dalam ayat 83 ialah gambaran situasi buruk.

Kesantunan dalam ayat 84 ialah gambaran sikap merendah diri. *Kesedihan* dalam ayat 85 ialah gambaran penderitaan batin. *Kerusakan* dalam ayat 86 ialah gambaran keadaan buruk. *Kesedihan* dalam ayat 87 ialah gambaran penderitaan batin. *Harapan* dalam ayat 88 ialah permintaan untuk perkara yang baik. *Kepasrahan* dalam ayat 89 menunjukkan pasrah kepada takdir Tuhan apabila ajal telah tiba. *Kesulitan* dalam ayat 90 ialah keadaan jiwa apabila ditimpa musibah. *Perjuangan* dalam ayat 91 ialah usaha menghadapi hidup dalam suka dan duka. *Semangat* dalam ayat 92 ialah kekuatan jiwa. *Kesulitan* dalam ayat 93 ialah tidak dapat melanjutkan percakapan. *Kebaikan* dalam ayat 94 ialah memujuk seseorang untuk melakukan sesuatu yang baik. *Kebaikan* dalam ayat 95 ialah taat kepada ibu bapa.

Kesulitan dalam ayat 96 ialah sikap yang meletakkan seseorang dalam keadaan yang tidak baik. *Kesedihan* dalam ayat 97 ialah gambaran penderitaan batin. *Solidariti* dalam ayat 98 ialah cerminan rasa kebersamaan. *Kesedihan* dalam ayat 99 ialah penderitaan batin. *Kesenangan* dalam ayat 100 ialah gambaran suasana yang baik. *Takruf* dalam ayat 101 ialah

sikap membina hubungan yang baik. *Kesopanan* dalam ayat 102 ialah cerminan sikap yang baik hati dan merendah diri. *Kepasrahan* dalam ayat 103 ialah sikap menerima takdir dengan hati yang redha. *Kesulitan* dalam ayat 104 ialah gambaran penderitaan batin. *Kejahatan* dalam ayat 105 ialah gambaran kasih dan sayang yang tidak dipelihara dengan baik. *Ketulusan* dalam ayat 106 ialah kesanggupan menjaga cinta dan kasih sayang dengan baik. *Kesulitan* dalam ayat 107 ialah gambaran penderitaan batin yang sangat mendalam. Nilai-nilai ini mengukuhkan identiti manusia selagi mereka dapat memilih nilai mana yang harus dipatuhi dan mana yang harus dielakkan.

Metafora Leksikal: Kata Kerja-Adverba

Dapatan analisis memperlihatkan metafora leksikal dengan memperbandingkan kata kerja dengan adverba seperti yang berikut:

- (108) Nasihat ibu *masuk* benar *ke dalam hatiku*
- (109) Saya *karam* *dalam permenungan*, memikirkan hidup saya di belakang hari.
- (110) Itulah yang senantiasa *tertulis* *dalam hati*, yang sukar dilupakan.

- (111) Hamid dan saya takut akan *terjatuh ke dalam jurang cinta*.
- (112) Kian lama dia hilang, kian *berdiri* dia *dalam ingatanku*.
- (113) “Tuhan!” Telah bertahun-tahun saya *berjalan di dalam gelap gulita*.

Istilah adverba disebut juga sirkumstan pada Tata Bahasa Fungsional dan disetarakan dengan adverba pada Tata Bahasa Tradisional (Halliday, 2004). Data 108–113, ialah ayat-ayat yang memiliki adverba seperti *ke dalam hatiku*, *dalam perenungan*, *dalam hati*, *ke dalam jurang cinta*, *dalam ingatan*, dan *dalam gelap gulita*. Kata kerja berganding dengan adverba tersebut membentuk metafora seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Dalam Jadual 6, kata kerja seperti *masuk*, *karam*, *tertulis*, *terjatuh*, *berdiri* dan *berjalan* dapat membentuk metafora bergantung kepada adverba yang mengikutinya. Oleh itu, status metafora sebuah leksikal ditentukan oleh konteks intralingual yang menyertainya.

Nilai budaya pada kolom ketiga, diperoleh daripada komponen semantik metafora leksikal. *Patuh* dalam ayat 108 ialah sikap Hamid yang menurut perintah

Jadual 6

Metafora leksikal: Kata kerja-adverba

Non-Metafora	Leksikal Metafora	Nilai Budaya
Masuk ke dalam rumah	<i>Masuk</i> ke dalam hati	Kepatuhan
Karam dalam laut	<i>Karam</i> dalam perenungan	Kesulitan
Tertulis di atas kertas	<i>Tertulis</i> dalam hati	Kepatuhan
Terjun ke jurang	<i>Terjatuh</i> ke dalam jurang cinta	Kewaspadaan
Berdiri di jalan	<i>Berdiri</i> dalam ingatan	Kepatuhan
Berjalan di kebun	<i>Berjalan</i> di dalam gelap gulita	Kesulitan

ibu bapanya. *Kesulitan* dalam ayat 109 ialah gambaran penderitaan mental. *Patuh* dalam ayat 110 ialah cerminan keteguhan dalam menjaga nasihat ibu bapa. *Kewaspadaan* dalam ayat 111 ialah gambaran sikap berhati-hati terhadap sesuatu perkara, dalam hal ini percintaan Hamid dan Zainab. *Kepatuhan* dalam ayat 112 mencerminkan sikap yang sentiasa mengingati sesuatu. *Kesulitan* dalam ayat 113 ialah gambaran tentang arah kehidupan yang tidak jelas.

Metafora Leksikal: Adjektif-Kata Nama

Dapatan analisis menemukan metafora leksikal perbandingan kata adjektif-kata nama seperti berikut:

- (114) Alangkah *besar hati* saya ketika melihat Ka’bah
- (115) Sebenarnya saya inipun seorang yang *lemah hati*.
- (116) Anakku, sudah *tinggi pikiranmu* rupanya.
- (117) Bangsanya tinggi dan saya hidup darinya tempat buat *lekat hati* Zainab
- (118) *Gelap tujuan* yang akan saya tempuh

(119) Di antara *gemuruh doa* manusia yang sedang berkeliling (tawaf) [...]

(120) Di antara *gemuruh suara manusia* yang hampir sunyi [...]

Data 114–120 ialah ayat-ayat yang berisi kata adjektif seperti *besar, lemah, tinggi, lekat, gelap, gemuruh*. Kata adjektif tersebut bergandingan dengan kata nama membentuk metafora seperti Jadual 7.

Dalam Jadual 7, kolum tengah ialah metafora leksikal manakala kolum kiri tidak termasuk kepada metafora leksikal. Metafora *gemuruh doa, gemuruh suara manusia, lekat hati dan gelap tujuan* dikategorikan sebagai metafora leksikal yang mengandungi gaya bahasa hiperbola, iaitu gaya bahasa yang mengungkapkan sesuatu secara berlebihan.

Kegembiraan dalam ayat 114 ialah gambaran suasana hati yang baik. *Kesusahan* dalam ayat 115 ialah cerminan perasaan tidak bersemangat. *Kepintaran* dalam ayat 116 ialah cerminan ketajaman fikiran. *Kesetiaan* dalam ayat 117 ialah gambaran keteguhan hati kepada. *Ketidakpastian* dalam ayat 118 menunjukkan suasana

Jadual 7
Metafora leksikal: Adjektif-kata nama

Non-Metafora	Metafora Leksikal	Nilai Budaya
Besar badannya	<i>Besar</i> hati	Kegembiraan
Lemah tenaganya	<i>Lemah</i> hati	Kesusahan
Tinggi rumah itu	<i>Tinggi</i> pikiran	Kepintaran
Debu lekat di baju	<i>Lekat</i> hati	Kesetiaan
Gelap cuaca	<i>Gelap</i> tujuan	Ketidakpastian
Gemuruh hari	<i>Gemuruh</i> doa	Harapan
Gemuruh hari	<i>Gemuruh</i> suara manusia	Semangat

kehidupan yang tidak menentu. *Harapan* dalam ayat 119 ialah permohonan kepada Allah untuk memperoleh sesuatu yang baik. *Semangat* dalam ayat 120 ialah gambaran kekuatan dalaman dalam menghadapi kehidupan.

Dalam bahasa Indonesia dan Melayu kata adjektif dapat ditempatkan sebelum ataupun sesudah kata nama. Struktur seperti ini berlaku pula untuk ayat-ayat metafora. Oleh itu, metafora leksikal dapat wujud dalam bentuk urutan kata nama+kata adjektif atau kata adjektif+kata nama, seperti Jadual 8.


Perbezaan makna metafora leksikal dalam Jadual 8 di kolum kiri dan kanan terletak pada penekanan yang disampaikan oleh penutur. Oleh itu, faktor ektralinguistik dan aspek pragmatik bahasa menentukan perbezaan makna metafora leksikal dalam suatu bahasa. Nilai-nilai baik yang terkandung dalam metafora leksikal ialah *kegembiraan* dan *semangat*, manakala nilai buruk ialah *kesusahan* dan *ketidakpastian* (Jadual 8).

Integrasi Nilai Budaya ke Tema Cinta dan Kasih Sayang

Hasil kajian terhadap 100 metafora leksikal menunjukkan bahawa nilai budaya yang terkandung pada metafora leksikal ialah 62% nilai-nilai yang mengandungi kebaikan dan 38% merepresentasikan suasana kebatinan yang buruk. Kedua kelompok nilai ini saling

bersatu padu membangunkan rasa cinta dan kasih sayang dalam kehidupan manusia. Nilai-nilai baik diperlukan sebagai perekat rasa cinta dan kasih sayang, manakala nilai buruk yang dapat merosakkan rasa cinta dan kasih sayang harus dihindari. Nilai-nilai tersebut akan memberikan manfaat positif bagi pembangunan sikap dan perilaku baik setiap orang jika sudah diterapkan dalam kehidupan secara konsisten. Daripada data yang terkumpul, pengelompokan nilai menjadi nilai baik dan nilai buruk dapat dilihat dalam Rajah 2.

Rajah 2 memperlihatkan bahawa nilai yang mengandungi kebaikan didapati lebih dominan. Dapatan ini selari dengan sikap watak utama. Hamka merepresentasikan kebaikan pada semua aspek novel tersebut, iaitu melalui judul novel *Di Bawah*



Rajah 2. Metafora leksikal dan nilai budaya

Jadual 8

Metafora leksikal kata nama + kata adjektif + kata nama

Kata Nama+ Kata Adjektif	Kata Adjektif+ Kata Nama
<i>Hati [saya] besar [melihat Ka'bah]</i>	<i>Besar hati saya melihat Ka'bah</i>
<i>Tujuan [yang akan saya tempuh] gelap</i>	<i>Gelap tujuan yang akan saya tempuh</i>

Lindungan Ka'bah yang memiliki makna dan nilai baik: Nama-nama watak seperti Haji Ja'far, Asiah, Zainab, Hamid, Saleh dan Rosna, ibu dan ayah Zainab ialah nama-nama bermakna yang baik; sementara Mekah dan Madinah sebagai latar cerita merupakan tempat yang baik lagi suci. Begitu juga Padang dan Padang Panjang diposisikan sebagai tempat yang baik dan Padang Panjang dijuluki sebagai Kota Serambi Mekah.

Nilai budaya yang mengandungi kebaikan dihubungkan dengan setiap watak. Haji Ja'far dan isterinya ialah orang kaya dermawan, baik hati dan suka menolong. Ibu dan ayah Hamid juga orang baik yang mengambil berat akan keluarga dan pendidikan anaknya. Ayah Hamid ialah orang yang sangat menjaga harga diri, sementara Hamid ialah anak yang patuh, jujur, rajin bekerja dan rajin ke sekolah dan mengaji. Zainab pula anak orang kaya yang baik dan rendah diri. Ini dapat dilihat apabila ibu Hamid sakit, Zainab dan ibunya telah datang menziarah. Rosna dan Saleh pula ialah pasangan suami isteri yang setia dan saling mencintai. Saleh digambarkan sebagai seorang yang rajin belajar sehingga ke Mesir.

Hamka tidak sahaja menyatakan nilai baik tetapi juga memperlihatkan nilai yang merupakan suasana batin tidak baik. Nilai tersebut ialah kesedihan, keputusan, kegalauan, ketidakpastian, kejatuhan, kesuraman dan kesianaan. Nilai yang mencerminkan suasana batin yang kurang menguntungkan tertumpu kepada Hamid dan Zainab. Keputusan juga dialami

oleh ibu Hamid kerana kemiskinan dan situasi ayah Hamid yang jatuh miskin ialah sebahagian daripada cara Hamka menjelaskan akan nilai-nilai buruk yang kadang kala menyertai nilai-nilai baik dalam kehidupan manusia.

Nilai-nilai buruk tidak selalu membawa manusia kepada kehancuran tetapi dapat menjadi latihan jiwa untuk menanamkan kesabaran, mencari kebaikan, dan kekuatan batin (Hamka, 2014; 2015a; 2015b; 2015c; 2016). Kebangkarapan yang dialami oleh ayah Hamid membuat ibu Hamid menjadi tahu diri. Rasa kecewa dan putus asa Hamid kerana dilema cintanya terhadap Zainab dikonvensasi dengan berangkat ke Mekah. Hamid meninggal di Mekah pada saat tawaf di tempat dan pada waktu yang baik, manakala Zainab meninggal pada waktu yang baik, iaitu 9 Zulhijah walaupun jauh dari Mekah tempat Hamid meninggal.

Nilai-nilai yang mengandungi kebaikan diperlihatkan pada setiap watak dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* dan nilai-nilai buruk yang dialami oleh ibu Hamid, Zainab, dan Hamid dapat menjadi penguat hubungan cinta dan kasih sayang. Nilai baik dan nilai buruk dapat menjadi penghubung cinta dan kasih sayang baik antara sesama manusia. Nilai-nilai baik ialah nilai yang seharusnya diadopsi, dipelihara dan diimplementasikan dalam kehidupan secara konsisten, manakala nilai-nilai buruk ialah nilai-nilai yang harus dikonversi menjadi nilai-nilai baik.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis data, enam perkara dapat disimpulkan daripada kajian

ini: Pertama, metafora leksikal ialah perbandingan makna kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverba dengan melihat pertalian komponen semantik. Kedua, bentuk dominan ialah perbandingan kata nama-kata kerja dan kata nama-kata kerja. Ketiga, hubungan sintaksis kata nama-kata kerja-kata nama cenderung kepada personifikasi, hiperbola, dan eufemisme. Di sinilah letak tarikan metafora Hamka dalam menghimpunkan cerita dalam novel tersebut. Keempat, nilai budaya didominasi oleh nilai-nilai yang mengandungi kebaikan seperti yang dinyatakan dalam judul novel, nama-nama watak, tingkah laku watak, rangkaian cerita dan cara Hamid dan Zainab mempersiapkan kematian mereka. Kelima, nilai baik dan buruk dalam Jadual 2–8 dapat mengukuhkan perasaan kasih sayang dan belas kasihan antara sesama manusia. Keenam, nilai buruk tidak selalu menyebabkan orang gagal dalam hidup, tetapi keadaan sedemikian boleh membuat orang menjadi baik seperti yang dilakukan Hamid dan Zainab dalam novel tersebut.

Selepas meneliti metafora leksikal berhubung dengan nilai budaya, penyelidikan ini mengimplikasikan bahawa penggunaan metafora merupakan cara bahasa yang dinamik bergantung kepada hubungan antara objek dengan imej. Metafora dapat digunakan untuk membina bahasa yang sangat estetik, halus, dan juga bahasa yang kasar. Mengambil kira peranan metafora yang penting, kajian metafora akan datang perlu dijalankan secara berterusan ke atas pelbagai teks kerana daripada bentuk metafora inilah bahasa tumbuh dan berkembang.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Akademi Pengajian Melayu (APM) Universiti Malaya dan Fakulti Ilmu Budaya (FIB) Universitas Andalas yang telah membantu dan memudahkan pelaksanaan penyelidikan ini. Aktiviti penyelidikan ini telah mewujudkan kerjasama antarabangsa antara pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dengan Fakultas Ilmu Budaya, Universiti Andalas. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga diucapkan kepada dua informan pakar iaitu Dr. Khairil Anwar dan Dr. Wannofi Samry, dua orang ahli daripada Fakultas Ilmu Budaya Universitas Andalas dalam kapasitinya sebagai informan pakar dalam kajian ini terutama dalam melakukan pendalaman terhadap nilai-nilai budaya.

RUJUKAN

- Alami, A. I. (2021). Nation and identity in modern Arabic literature in Egypt. In O. George (Ed.) *A companion to African literatures* (pp. 117-132). Wiley-Blackwell. <https://doi.org/10.1002/9781119058199.ch8>
- Allan, K. (2014). *Linguistic meaning*. Routledge.
- Arbain, A. (2017). Pemikiran Hamka dalam novel-novelnya: Sebuah kajian sosiologis. *Jurnal Puitika*, 13(2), 75-89. <http://dx.doi.org/10.25077/puitika.13.2.75--88.2017>
- Azma, Z., Hamzah, Z., & Hassan, A. F. M. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Burhanuddin, N. (2015). Konstruksi nasionalisme religius: Relasi cinta dan harga diri dalam karya sastra Hamka. *Epistemé*, 10(2), 353-385. <https://doi.org/10.21274/epis.2015.10.2.353-384>

- Childs, P. (1999). *Post-colonial theory and English literature*. Edinburg UP. <https://doi.org/10.1515/9781474465700-002>
- Comrie, B. (1989). *Language universals and linguistics typology*. Basil Blackwell
- Dajajasudarma, T. F., E Kalsum, E. K., Setianingsing, Y., & Sobarna, C. (1997). *Nilai budaya dalam ungkapan dan peribahasa Sunda*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Desai, C. M. (2006). National identity in a multicultural society: Malaysian children's literature in English. *Children's Literature in Education*, 37(2), 163-184. <https://doi.org/10.1007/s10583-006-9002-8>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2009). *Kurik kundi, merah saga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enfield, N. J. (2015). *The utility of meaning: What words mean and why*. Oxford University Press.
- Errington, F. K. (1984). *Manner and meaning in West Sumatra: The social context of consciousness*. Yale University.
- Fanany, I., & Rebecca, F. (2003). *Wisdom of Malay proverbs*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fill, A., & Muhhauser, P. (2001). *The ecolinguistic reader: Language, ecology and environment*. Continuum.
- Hakimy, I. (1996). *1000 pepatah-petitih-mamang-bidal-pantun-gurindam*. Penerbit Remaja Rosda Karya.
- Halliday, M. A. K., Matthiessen, C. M. I. M., Halliday, M. & Matthiessen, C. (2004). *An introduction to functional Grammar* (3rd ed.). Edward Arnold.
- Halwati, E. K., Sumaryoto, S., & Sumadyo, B. (2020). Intertekstual novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* karya Hamka dan *Perempuan Berkalung Sorban* karya Abidah El Halieqy. *Diskursus: Jurnal Pendidikan Bahasa Indonesia*, 3(3), 213-225. <http://dx.doi.org/10.30998/diskursus.v3i03.8005>
- Hamka. (1938). *Di bawah lindungan Ka'bah*. Balai Pustaka.
- Hamka. (1990). *Tenggelamnya kapal Van Der Wijck*. Bulan Bintang.
- Hamka. (2002). *Dari hati ke hati: Tentang agama, sosial budaya politik*. Pustaka Panjimas.
- Hamka. (2014). *Peribadi hebat*. Gema Insani.
- Hamka. (2015a). *Falsafah hidup: Memecahkan rahasia kehidupan berdasarkan tuntunan Al Qur'an dan As Sunnah*. Penerbit Republika.
- Hamka. (2015b). *Tasauf modern*. Penerbit Republika.
- Hamka. (2015c). *Lembaga hidup: Ikhtiar sepenuh hati memenuhi ragam kewajiban untuk hidup sesuai ketetapan Ilahi*. Penerbit Republika.
- Hamka. (2016). *1001 soal kehidupan*. Gema Insani.
- Hamka. (2023). *Merantau ke Deli*. PTS Publishing House Sdn Bhd.
- Hogan, P. C. (2021). *American literature and American identity: A cognitive cultural study from the civil war to the twenty-first century* (1st ed.). Imprint Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003211983>
- Ibrahim, H. (2022). Hamka's *Da'wah* reform: Islamisation of self, education, and institution. *AL-ITQAN*, 6(4), 24-46. <https://doi.org/10.31436/alitqan.v6i4.242>
- Idrus, F. (2012). The construction of shared Malaysian identity in the upper secondary English literature classroom [Unpublished doctoral thesis]. University of Nottingham.
- Indo, A. B. (1999). *Kato pusako: Pepatah, petitih, mamang, pantun, ajaran dan filsafat Minangkabau*. PT. Rora Karya.
- Indriani, I. (2021). Mencari cinta pada masa pergerakan nasional. *Jurnal Sejarah*, 4(1), 14-35. <https://doi.org/10.26639/js.v4i1.322>

- Jufrizal. (2021). *Tipologi linguistik. konsep dasar dan aplikasi*. Pustaka Larasan.
- Keraf, G. (2004). *Diksi dan gaya bahasa*. Gramedia.
- Koentjaraningrat. (1990). *Sejarah teori antropologi II*. Penerbit Universitas Indonesia.
- Kridalaksana, H. (1994). *Kelas kata dalam bahasa Indonesia*. Gramedia Pustaka Utama.
- Kridalaksana, H. (2010). *Masa-masa awal bahasa Indonesia*. Laboratorium Leksikologi dan Leksikografi, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Indonesia.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1994). *Metaphors we live by*. The University of Chicago Press.
- Lestari, N. D. (2020). Perbandingan realitas profetik novel di bawah Lindungan Ka'bah dan novel sepertiga malam. *Jurnal Semantika*, 1(2), 19-28. <https://doi.org/10.46772/semantika.v1i02.167>
- Littrup, L. (1996). *Identity in asian literature*. Curzon Press
- Lyons, J. (1987). *Introduction to theoretical linguistics*. Cambridge University Press.
- Mahsun. (2005). *Kaedah penelitian bahasa: Tahapan, strategi, kaedah dan tekniknya*. RajaGrafindo Persada.
- Majid, I. (2021). Nilai pendidikan novel “Di Bawah Lindungan Kabah” karya Hamka. *Jurnal Buana Bastra*, 8(1), 53-60.
- Malik, A. (1992). *Perkembangan bahasa Melayu masa kini: Kasus Indonesia*. [Paper presentation]. Seminar Internasional Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pergaulan Bangsa ASEAN dan Bangsa Serumpun, Tanjung Pinang, Indonesia.
- Malik, A. (2019). *Bahasa Melayu sebagai bahasa dunia*. [Paper presentation]. Wacana Sinar Ilmuwan Majlis Profesor Negara, Selangor, Malaysia.
- Nasrimi. (2022). Analisis gaya bahasa novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* karya Hamka. *Serambi Akademica Jurnal Pendidikan, Sains, dan Humaniora*, 10(3), 231-241. <https://doi.org/10.32672/jsa.v10i3.4326>
- Navis, A. A. (1984). *Alam berkembang jadi guru: Adat dan kebudayaan Minangkabau*. Grafiti Press.
- Newmark, P. (1988). *A text book of translation*. Shanghai Foreign Language Education Press.
- Octaviyanti, C. K. (2017). The power of literary works in building young entrepreneur's character as reflected in buya hamka's fiction. *International Journal of Islamic Business Ethics*, 2(2), 277-285. <http://dx.doi.org/10.30659/ijibe.2.2.277-285>
- Oktavianus. (2022). *Kiasan dalam bahasa Minangkabau*. Minangkabau Press.
- Oktavianus, Anwar K & Ferdinal. (2023). Agricultural Production and Metaphorical Expression in Minangkabau Culture. *IOP Conf. Ser.: Earth Environ. Sci.* 1253 012026
- Rahmat, H. (2018). Love, faith, religion and colonialization: Cultural insight in the soul of archipelago literature. *Proceedings of the International Conference on Language, Literature, and Education*, 263, 9-20. <https://doi.org/10.2991/iclle-18.2018.2>
- Ramli, F. N. A., Wahid, A., & Ali, A. H. (2021). Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 33-48.
- Rashid, S. M., Hajimaming, P., & Muhammad, N. N. (2012). 'Farm' animal metaphors in Malay and Arabic figurative expressions: Implications for language learning. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 1(7), 33-40. <https://doi.org/10.7575/ijalel.v.1n.7p.33>
- Saragih, A. (2013). *Semiotik bahasa: Tanda, penanda, dan petanda dalam bahasa*. Sekolah Pascasarjana Universitas Negeri Medan.
- Straus, A., & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research*. Sage Publication.

- Sudaryanto. (2018). *Kaedah dan aneka teknik analisis data*. SIDU Press.
- Supriyadi, M. W. (2022). Unsur retorika dalam surat Zainab dalam novel di bawah lindungan ka'bah karya Buya Hamka. *Jurnal Ilmiah Bina Bahasa*, 15(1), 25-34. <https://doi.org/10.33557/binabahasa.v15i1.1769>
- Talmy, L. (2019). Cognitive semantics: An overview. In C. Maienborn, K. V. Heusinger & P. Portner (Eds.) *Semantic theories* (pp. 1-28). De Gruyter.
- Tarmini, W., Safi'i, I., & Aulia, D. W. (2022). Metaphor in Hamka's biography novel: A semiotic study. *Randwick International of Education and Linguistics Science Journal*, 3(1), 85-93. <https://doi.org/10.47175/rielsj.v3i1.387>
- Whaley, L. J. (1997). *Introduction to typology*. Sage Publication.
- Yusuf, M. (2014). Pintu-pintu menuju Tuhan: Telaah pemikiran Hamka. *Teologia*, 25(2), 103-126. <https://doi.org/10.21580/teo.2014.25.2.384>
- Zulhelmi, Z. (2017). Orisinalitas dan kreativitas dalam karya sastra: Studi Perbandingan antara Novel Zaynab karya Haykal dengan roman Di Bawah Lindungan Ka'bah karya Hamka. *Conference Proceedings – ARICIS I, 1*, 415-437.

